



"BAHAYA SYIRIK"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ
الْمُشْرِكُونَ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan melazimi mengerjakan segala suruhan-Nya dan menghindari segala tegahan-Nya. Yakinlah bahawa hanya dengan ketaqwaan dan ketaatan kepada Allah sahaja akan menjamin kebahagiaan hidup kita di dunia dan di akhirat.

Sesungguhnya kebahagiaan adalah impian setiap insan dan kebahagiaan sejati bermula dari dalam jiwa manusia yang berasaskan kepada akidah yang benar dan tepat, bersih dan bebas daripada sebarang pencemaran syirik yang merosakkan akidah seorang Muslim.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Syirik bermaksud mempersekutukan Allah SWT, meyakini dan mempercayai kepada sesuatu makhluk bahawa ia berkuasa untuk memberi manfaat dan mudharat terhadap sesuatu perkara. Kepercayaan yang merosakkan akidah ini dapat dilihat melalui perlakuan seperti memuja dan meminta pertolongan di tempat-tempat yang dipercayai keramat atau penunggu, berjumpa pawang untuk menilik nasib, membuat tangkal dan sebagainya.

Rasulullah s.a.w melarang umatnya dari melakukan segala bentuk syirik kerana ia merupakan dosa besar yang amat dimurkai oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT di dalam surah An-Nisa ayat 48:



إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ
لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَىٰ إِثْمًا
عَظِيمًا

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik (mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun) dan akan mengampuni dosa yang lain daripada itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang besar”.

Akidah yang bersih dari segala bentuk perlakuan syirik adalah asas agama Islam. Lantaran itulah Rasulullah s.a.w berjuang menumpukan dakwah dalam tempoh kerasulan baginda bagi memperbetulkan akidah manusia. Justeru, sebagai seorang muslim, kita sewajarnya sedar tentang kepentingan akidah agar kita terus memperkemaskan dan memagarinya dengan ilmu, amal dan taqwa. Agar ia tidak mudah goyah dan dicemari dengan apa jua perlakuan syirik.

Syirik boleh berlaku dalam lima perkara:

- Pertama : **Syirik dalam iktikad.**
laitu meyakini ada Tuhan selain Allah.
- Kedua : **Syirik dalam ketaatan.**
laitu mentaati manusia lebih daripada mentaati Allah.
- Sabda Rasulullah s.a.w:



لَا طَاعَةَ لِمَخْلُوقٍ فِي مَعْصِيَةِ الْخَالِقِ.

"Tiada ketaatan kepada makhluk dalam perkara maksiat kepada Pencipta"

(Riwayat Bukhari)

- Ketiga : **Syirik dalam kasih sayang.**
laitu mengasihi manusia atau harta benda lebih dari mengasihi Allah.
- Keempat : **Syirik dalam tawakal.**
laitu berserah kepada manusia atau makhluk lebih dari berserah kepada Allah.
- Kelima : Syirik dalam Ibadah.
laitu mengabdikan diri kepada selain Allah.

Al-Quran menerangkan syirik boleh berlaku dalam banyak bentuk. Sebagai contoh, orang Yahudi melakukan syirik kerana menyangka Uzair adalah anak Tuhan dan orang Nasrani melakukan Syirik dengan menyembah Nabi Isa a.s. Ketaatan, kecintaan dan kasih sayang, taasub dan kefanatikan kepada individu secara berlebihan semuanya boleh membawa kepada syirik.

Di antara perbuatan syirik yang masih berleluasa dan menjadi amalan di dalam masyarakat kita sehingga hari ini adalah mempercayai



pawang, tangkal dan azimat seperti mengamalkan ilmu menurun, memuja kubur, memakai susuk, memuja untuk mendapatkan wang dan sebagainya. Bahkan drama-drama di televisyen sering memaparkan cerita-cerita tahyul dan hantu yang memaparkan watak bomoh, pawang dengan menggunakan kuasa tangkal azimat sehingga menarik minat ramai penonton dan sedikit sebanyak mempengaruhi jiwa dan akidah mereka khususnya terhadap remaja dan kanak-kanak. Rasulullah s.a.w dengan tegas melarang semua perbuatan ini kerana adalah perlakuan syirik.

Hadis daripada Abdullah R.A bahawa Rasulullah s.a.w bersabda;

إِنَّ الرُّقَى وَالتَّمَائِمَ وَالتَّوَلَةَ شِرْكٌ.

"Sesungguhnya tangkal, azimat dan guna-guna itu adalah perlakuan syirik."
(Riwayat Hakim)

Sebenarnya amalan syirik seperti ini sudah sekian lama berada di dalam kehidupan manusia. Walaupun telah terbukti amalan-amalan ini tidak memberi apa-apa kesan secara pasti dan nyata, ia masih terus diyakini dan diamalkan oleh ramai manusia. Perbuatan syirik ini juga diamalkan secara meluas di kalangan umat arab sejak zaman berzaman. Rasulullah s.a.w telah berusaha dengan gigih menghapuskannya dari kehidupan umat Islam bagi memastikan akidah mereka bebas dari sebarang perlakuan syirik.

Daripada Uqbah bin 'Aamir R.A bahawa Rasulullah s.a.w bersabda :



مَنْ تَعَلَّقَ تَمِيمَةً فَلَا أْتَمَّ اللَّهُ لَهُ وَمَنْ تَعَلَّقَ
وَدْعَةً فَلَا وَدَعَ اللَّهُ لَهُ.

"Sesiapa yang menggantung azimat maka Allah tidak akan menyempurnakan hajatnya, dan sesiapa yang menggantung tangkal maka Allah tidak akan memberikan perlindungan kepadanya."

(Riwayat Abu Ya'la dan Hakim)

Jelas sekali kemurkaan Allah SWT kepada mereka yang mensyirikkanNya, sehingga Allah berjanji tidak mengurniakan hajat mereka. Sudahlah harapan tidak kesampaian, ditambah pula dengan kemurkaan Tuhan di atas amalan syirik yang mereka amalkan. Bukankah ini perlakuan yang sangat merugikan dan sia-sia?.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Perlu kita sedari bahawa di samping amalan-amalan syirik yang telah dinyatakan tadi, di sana ada satu jenis syirik kecil yang tersembunyi (خفي) yang telah diperingatkan oleh Rasulullah SAW agar kita berwaspada terhadapnya.

Daripada Mahmud bin Labid R.A bahawa Rasulullah s.a.w bersabda :

إِنَّ أَخْوَفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمُ الشِّرْكَ الْأَصْغَرُ
قَالُوا وَمَا الشِّرْكَ الْأَصْغَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟.



قَالَ: الرِّيَاءُ يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لَهُمْ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ إِذَا جُزِيَ النَّاسُ بِأَعْمَالِهِمْ إِذْهَبُوا إِلَى
الَّذِينَ كُنْتُمْ تُرَاءُونَ فِي الدُّنْيَا فَاَنْظُرُوا هَلْ
تَجِدُونَ عِنْدَهُمْ جَزَاءً.

"Sesungguhnya apa yang paling aku takuti terjadi ke atas kamu adalah Syirik yang tersembunyi. Para Sahabat bertanya. "Apakah Syirik yang tersembunyi itu, ya Rasulallah?" Baginda menjawab, "Riak. Allah berseru kepada mereka yang riak pada hari kiamat tatkala manusia menerima ganjaran pahala amalan-amalan mereka, "Pergilah kamu kepada orang-orang yang kamu pertontonkan amalan kamu kepada mereka, lihatlah adakah di sisi mereka ganjaran pahala (kamu)."

(Riwayat Ahmad)

Alangkah malangnya nasib orang yang riak. Mereka dihalau dari rahmat Allah dan disuruh menuntut pahala dari orang yang mereka beramal kerana orang-orang tersebut. Siapakah yang boleh memberi pahala kepada orang lain di hari yang penuh kekalutan itu? Ternyata tiada siapa yang dapat memberi pahala selain Allah.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita kembali kepada Allah dengan bertaubat dan meninggalkan segala perbuatan dan perlakuan syirik. Tiada yang bakal kita perolehi selain kemurkaan Allah dan tersingkir dari perlindungan naungan



Allah dan rahmat-Nya. Sedarlah bahawa sebagai seorang yang beriman, kita selayaknya hanya berdoa, memohon hajat dan perlindungan kepada Allah SWT sahaja. Pada masa yang sama kita taati segala perintah Allah dan meninggalkan segala maksiat dan kemungkaran agar hajat-hajat dan doa kita tidak terhijab.

Setelah segala usaha kita jana dan doa kita panjatkan, bertawakkal dan berserah dirilah kepada-Nya. Begitu juga segala amal ibadah yang kita lakukan, perlu dipastikan ianya dengan tulus ikhlas kerananya.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Seseorang yang syirik kepada Allah bererti dia telah menzalimi dirinya sendiri dengan mengiktiraf tuhan selain Allah, lalu dia dihumban ke lembah keresahan, ketakutan dan terhina di akhirat dengan azab neraka yang telah Allah sediakan disebabkan amalan syirik yang mereka lakukan. Firman Allah di dalam surah Ali Imran ayat 151 :

سَنُلْقِي فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّعْبَ بِمَا
أَشْرَكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَمَأْوَاهُمُ
النَّارُ وَبئسَ مَثْوَى الظَّالِمِينَ ﴿١٥١﴾

"Kami akan masukkan ke dalam hati orang kafir itu rasa takut, disebabkan mereka mempersekutukan Allah dengan sesuatu (yang mereka sembah) sedangkan Allah tidak menurunkan sebarang keterangan yang membenarkannya. (Dengan yang demikian) tempat



kembali mereka ialah neraka. Itulah seburuk-buruk tempat tinggal bagi orang zalim".

Lihatlah kehinaan di dunia dan di akhirat yang telah Allah sediakan untuk orang-orang yang mensyirikannya. Semoga kita akan sentiasa berusaha menjauhi segala amalan dan perlakuan syirik ini sepanjang hayat kita.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah, marilah kita imbas kembali antara intipati penting khutbah Jumaat hari ini. Antaranya :

- Pertama : Syirik adalah satu dosa besar. Orang yang terlibat dengannya perlu segera bertaubat dan kembali kepada akidah Islam yang sebenar.
- Kedua : Perlakuan Syirik mengundang bencana di dunia dan di akhirat. Di dunia terhina dengan laknat dan tersingkir jauh dari Rahmat Allah manakala di Akhirat akan tersiksa dengan azab neraka.
- Ketiga : Sifat mazmumah (tercela) seperti riak dikira sebagai syirik tersembunyi yang menjadi petaka di dalam amalan seorang Muslim. Orang yang riak akan hampa dan kecewa kerana dia tidak akan diberi pahala amalnya oleh Allah SWT di akhirat .

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ
بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

"Dan ketika Luqman berkata kepada anaknya, "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar".

(Luqman : 13)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّينِ
عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُؤَيِّدَ عَهْدَ سَلَاعُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ



إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ
وَإِلْكَرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى
وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang melimpahkan rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru, kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, tambahkan kami dengan ilmu dan kemahiran, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak mulia, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya hidup kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami, untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.



Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya di negeri ini, limpahkanlah nikmat iman dan kesihatan yang berpanjangan kepada mereka, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ
وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.